

Dr. Alijah Gordon meninggal dunia

UM 7 0 NOV 2003

KUALA LUMPUR 19 Nov. — Pengerusi Institut Kajian Sosiologi Malaysia (MSRI), Datuk Dr. Alijah Gordon meninggal dunia di Pusat Rawatan Gleneagles, Ampang di sini, malam tadi.

Beliau berusia 74.

Allahyarham yang juga pemegang amanah Program Penajaan Kanak-Kanak Palestin yang berpusat di

Lebanon telah menghembuskan nafas terakhir kira-kira pukul 11.40 malam tadi.

Adik angkatnya, Fatimah Harun berkata, Allahyarham telah dimasukkan ke pusat rawatan tersebut kira-kira sebulan yang lalu akibat radang paru-paru.

“Allahyarham telah disahkan menghidap pneumonia lebih sebulan yang lalu dan telah dimasukkan ke hospital itu,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Jenazah Allahyarham disembahyangkan di Masjid Baitul Aman, Jalan Damai, Ampang di sini selepas solat Zuhur.

Alijah yang berasal dari Amerika Syarikat (AS) telah berhijrah ke Malaysia pada tahun 1957 dan telah mendapat taraf warganegara Malaysia.

Beliau amat aktif dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti keagamaan dan mengumpulkan dana untuk kanak-kanak Palestin.

Perjuangan Alijah membela Palestin terkandung dalam autobiografi yang ditulis pada tahun lalu dengan judul *In Time of the Mishmash: A Painting in the Twenty Parts*. Ia adalah mengenai kisah hidupnya ketika menjadi wartawan membuat liputan di Asia Barat pada tahun-tahun 50-an.

● Belasungkawa — Muka 6

Beliau juga menghasilkan buku mengenai jenayah perang Bosnia bertajuk *Bosnia: Testament to War Crimes as Told by Survivors* yang diterjemah ke bahasa Melayu bertajuk *Saksian Sah Jenayah-Jenayah Perang*.

Buku-buku ini diterbitkan melalui MSRI.

MSRI, sebuah NGO adalah sinonim dengan Alijah. Allahyarham adalah pengasasnya pada tahun 1959, dua tahun selepas beliau mula sampai ke Malaysia. Walaupun menjadi pengasas beliau pada mulanya hanya menjadi anggota sebelum dilantik sebagai setiausaha. Pengerusi pertama MSRI ialah Allahyarham pendita Zaaba.

Alijah lahir sebagai Shirle Gordon dan memeluk Islam setelah berada di Malaysia. Beliau lahir pada tahun 1929 di New Jersey, Amerika Syarikat (AS) dan mendapat pendidikan di New York. Di situlah iaitu pada tahun 1952, beliau sebagai pelajar sebagai pelajar berminat terhadap menyokong perjuangan Palestin.

Pada tahun 1973-1982 beliau diusir dari Malaysia atas sebab-sebab yang menurutnya tidak jelas.

Bagaimanapun setelah menulis surat kepada Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk meminta kebenaran pulang semua ke Malaysia, permohonannya telah diluluskan.

Sementara itu, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Ahmad Azim Abdul Rahman menyifatkan Allahyarham seorang aktivis yang aktif dalam memperjuangkan hak masyarakat.

“Saya telah mengenali Allahyarham sejak 10 tahun lalu dan telah menganggapnya sebagai sebahagian daripada keluarga saya.

“Beliau seorang yang agresif dan sentiasa bergerak aktif bersama ABIM dalam melakukan aktiviti-aktiviti kemanusiaan,” katanya.

Pensyarah Kanan Pusat Psikologi Institut HELP, Fatimah Haron berkata, beliau mengagumi Allahyarham kerana sering mengambil berat soal kemanusiaan tanpa mengira warna kulit, keturunan dan agama.

“Hubungan kami ibarat adik-beradik sejak mengenalinya pada 1968 ketika sama-sama melakukan aktiviti masyarakat,” katanya yang juga merupakan adik angkat kepada Allahyarham.